

# Upacara Menandatangani Perjanjian Persefahaman MoU Antara Universiti Malaysia Sabah Dengan Sawit Sdn Bhd Kinabalu Dan Majlis Berbuka Puasa

Artikel oleh: Dr. Chong Khim Phin



Pada 4 Ogos 2012 yang lalu Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Sawit kinabalu bersama dengan majlis Berbuka Puasa bertempat di Hotel Le Maridien Kota Kinabalu. Sempena majlis ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah diwakili oleh YBhg Naib Canselor Prof. Datuk. Dr. Mohd Harun Abdullah manakala Sawit Kinabalu, pula diwakili

oleh Pengarah Urusannya Tuan Haji Othman Walat. Penandatanganan MoU ini turut disaksikan oleh YAB Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Haji Aman. Memorandum Persefahaman (MoU) ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti penyelidikan kelapa sawit di Sabah serta menggiatkan lagi hubungan penyelidikan dua hala. Pada masa yang sama, Universiti Malaysia Sabah turut mewujudkan sebuah Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (SPOR) berasaskan minyak sawit yang bersifat kelestarian. Antara intipati teks ucapan YBhg Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof. Datuk. Dr. Mohd Harun Abdullah sempena majlis tersebut adalah dengan wujudnya Unit SPOR ini akan dapat menggabungkan pakar-pakar pelbagai dalam disiplin dari UMS melalui usaha bersepadu untuk menjalankan penyelidikan yang lebih mesra alam serta menekankan prinsip penyelidikan yang lebih lestari dan komprehensif.